

FOTO HALIM SALLEH

HATI CEPAT TERUSIK

Hairul pernah bergenang air mata ketika mendengar lagu Inilah Barisan Kita

DARI MUKA 1

Hairul akui, dek membawa watak anggota elit Pasukan Khas Laut (PASKAL) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) selama penggambaran berlangsung sejak awal bulan lalu hingga Mei ini, jiwa tentera itu seperti sudah sehati dalam dirinya.

Malah, dia pernah memarahi anaknya, Yusuf Iskandar, 2, seperti seorang pegawai tentera.

Suami kepada pelakon Hanis Zalikha ini mengakui, hatinya lebih terusik ketika mendengar lagu atau cerita yang membangkitkan semangat keperwiraan.

Katanya, dia pernah bergenang air mata ketika mendengar lagu Inilah Barisan Kita, lagu wajib dipasang ketika anggota tentera terbabit dalam operasi ketenteraan.

"Entah mengapa, tiba-tiba saja rasa sebak apabila dengar lagu semangat seperti itu. Malah saya juga terusik dengan kisah pengorbanan perwira negara.

"Bukan itu saja, jika berlatih menggunakan senjata, semangat saya berkobar-kobar untuk melakukan yang terbaik seperti dalam filem Paskal," katanya.

Sebelum Paskal, Hairul terbabit dalam penggambaran filem Qhaliq yang mengisahkan kehidupan anggota bomba.

Katanya, walaupun watak sebagai anggota bomba tidak serius seperti wataknya dalam Paskal, ia tetap menerapkan disiplin sebagai anggota pasukan beruniform.

Anggota bomba turut mempunyai prosedur operasi standard (SOP) ketika menyelamatkan nyawa orang ramai.

"Bayangkan selepas Qhaliq, saya perlu menjadi polis dalam Polis Evo 2, kemudian anggota tentera elit Paskal. Semuanya memerlukan saya menjadi seorang yang berdisiplin dan serius.

"Dalam tempoh itu, saya cuba lari sekejap daripada watak serius dengan mengambil tawaran berlakon drama Pelangi Cinta tetapi tiba-tiba saja saya jadi kekok," katanya ketawa.

Hairul yang kini berada di Sabah untuk menalani penggambaran babak seterusnya filem Paskal akui mahu mengambil cuti panjang untuk berehat selepas ini.

Katanya, melakonkan tiga watak anggota beruniform cukup memenatkan mental dan fizikal.

"Saya memang penat. Tidak tahu nak cakap macam mana. Pada masa sama, saya seronok dapat peluang membawa watak berbeza tetapi proses itu agak penat. Jadi, saya perlu cari ruang untuk berehat seketika," katanya.

Hairul berkata, dia merancang bercuti ke luar negara bersama keluarganya dan menghabiskan masa dengan Yusuf yang dikatakan kurang bermanja dengannya kerana dia banyak terbabit dengan penggambaran.

- Amirul Haswendy Ashari

